



**JERUK MADU PAK ALI  
PENGILANG JERUK BUAH-BUAHAN PULAU PINANG**

**NOTIS JAWATAN KOSONG**

**Jeruk Madu Pak Ali (JMPA)** merupakan pengeluar jeruk buah-buahan yang terulung di Malaysia dan terkenal dengan rasa dan aromanya yang istimewa dibawah jenama "Pak Ali". Jeruk-jeruk ini dihasilkan dari buah-buahan segar berkualiti yang terpilih dari ladang. Rasanya yang enak dan bernutrisi tinggi ini dihasilkan melalui gabungan resipi tradisional dan teknologi terkini dari pihak Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

JMPA telah menerima Sijil Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Sijil MeSTI dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Sijil Satu Best Malaysia daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), di bawah Kementerian Pertanian & Asas Tani Industri Malaysia (MOA).

**JAWATAN**

- |                                       |   |              |
|---------------------------------------|---|--------------|
| 1. <b>EKSEKUTIF (JAMINAN KUALITI)</b> | - | 1 Kekosongan |
| 2. <b>PENYELIA (JAMINAN KUALITI)</b>  | - | 1 Kekosongan |

# SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

## 1. EKSEKUTIF (JAMINAN KUALITI)

- 1.1. Memiliki Diploma atau ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang sains makanan, sains dan teknologi makanan, pengurusan kualiti makanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- 1.2. Berpengalaman sekurang-kurangnya 1 – 2 tahun dalam bidang hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
  - i. Menjalankan tugas-tugas kawalan keselamatan dan kualiti makanan mengikut garis panduan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM).
  - ii. Menguruskan pensijilan-pensijilan makanan yang berkaitan seperti Halal, MeSTI, GMP dan HACCP.
  - iii. Mendokumentasi dokumen yang berkaitan.
  - iv. Mencadangkan latihan yang berkaitan PJKM untuk pekerja.
  - v. Menyimpan rekod dan mencatat hasil audit.
  - vi. Mencadangkan kepada pihak pengurusan dari sudut PJKM.
  - vii. Dan lain-lain berkaitan.

## 2. PENYELIA (JAMINAN KUALITI)

- 2.1. Memiliki Diploma atau ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang sains makanan, sains dan teknologi makanan, pengurusan kualiti makanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- 2.2. Berpengalaman sekurang-kurangnya 1 – 2 tahun dalam bidang hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
  - i. Menyelia dan memantau kawalan keselamatan dan kualiti makanan mengikut garis panduan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM).
  - ii. Mendokumentasi dokumen yang berkaitan seperti Halal, MeSTI, GMP dan HACCP.
  - iii. Menyelia dan memantau peralatan dan bahan ramuan pengeluaran.
  - iv. Menyimpan rekod dan mencatat hasil audit.

## SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
3. Calon-calon juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
  - i. Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.jerukmadupakali.com> atau boleh diambil di pejabat Jeruk Madu Pak Ali, Simpang Ampat, Pulau Pinang.
  - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Jawatan beserta resume dan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi dan sijil-sijil seperti:
    - a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
    - b. Sijil Pengajian Tinggi (Diploma / Ijazah Sarjana Muda / lain-lain)
    - c. Sijil pengalaman kerja (jika ada).
    - d. Sijil Kursus-Kursus Yang Dihadiri (jika ada).
  - iii. Kemukakan gambar bersaiz pasport pada Borang Permohonan Jawatan dan sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan berikut akan diterima:
  - i. Lengkap dan terang.
  - ii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki
  - iii. Dihantar sebelum pada atau sebelum tarikh tutup permohonan.
3. Sila hantar dokumen-dokumen diatas ke alamat email [pakalifood@gmail.com](mailto:pakalifood@gmail.com) sebelum atau pada **26hb April 2024 (Jumaat)**.